

Skop Bahan Deposit ke UTM-IR

Semua hasil penulisan pelajar, staf UTM dan/atau staf/pelajar UTM bersama penulis luar yang telah atau belum diterbitkan.

Hasil penulisan adalah seperti buku, bab dalam buku, artikel jurnal, kertas seminar, laporan penyelidikan dan tesis.

Keterangan Terperinci :

1. Semua hasil penulisan staf/pelajar UTM
 - a. Staf UTM
 - b. Pelajar UTM
 - c. Staf yang dipinjamkan ke UTM (tertakluk dalam tempoh khidmat di UTM)
 - d. Prof/staf Pelawat yang dilantik oleh UTM (tertakluk kepada bahan berkenaan adalah hasil karya semasa berkhidmat di UTM)

2. Semua hasil penulisan bersama
 - a. Staf UTM dan penulis luar
 - b. Pelajar UTM dan penulis luar

3. Anjuran seminar/bengkel
 - a. Anjuran UTM
 - b. Anjuran bersama UTM dan pihak luar
 - c. Anjuran pihak luar
(perlu semak polisi penganjur sama ada membenarkan atau tidak penulis memuatkan bahan berkenaan dalam IR Universiti)

4. Sama ada belum diterbitkan atau telah diterbitkan

5. Bahan yang telah diterbitkan*
 - a. Penerbitan luar UTM (peringkat antarabangsa)
"post print atau pre-print" tertakluk kepada polisi penerbit berkenaan.
Semakan melalui **Publisher copyright policies & self-archiving**
<http://www.sherpa.ac.uk/romeo.php>

 - b. Penerbitan luar UTM (peringkat kebangsaan)
Mesti mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit
Kaedah mendapat kelulusan :
 - Penulis memohon sendiri kepada penerbit berkenaan
 - Bahan penerbitan yang tidak mendapat kebenaran, masukkan "pre-print" atau jika tidak pasti masukkan abstrak sahaja.

Bahan Deposit :

- a. Tesis Sarjana dan doktor falsafah
- b. Artikel jurnal
- c. Kertas seminar / persidangan
- d. Prosiding
- e. Buku
- f. Bab dalam Buku

Tiga bahan Fakulti tidak perlu deposit seperti berikut:

Bahan deposit	Deposit oleh Fakulti /Jabatan
Tesis Sarjana dan doktor falsafah	Perpustakaan Sultanah Zanariah
Artikel dari Jurnal Teknologi	Penerbit UTM
Laporan Penyelidikan	Pusat Pengurusan Penyelidikan